



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 3 Jun 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Pindaan Akta reformasi besar sistem pembiayaan sewa beli kenderaan

Iskandar Dzulkifli

PUTRAJAYA: Pelaksanaan Akta Sewa Beli (Pindaan) 2026, yang berkuatkuasa 1 Jun (Isnin), menjadi satu reformasi besar dalam sistem pembiayaan sewa beli negara yang dijangka memberi manfaat kepada jutaan pengguna, khususnya pembeli kenderaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali (**gambar**) berkata, penguatkuasaan akta itu bertujuan memperkuatkan perlindungan pengguna, meningkatkan ketelusan transaksi kredit serta memastikan industri pembiayaan sewa beli beroperasi secara lebih adil dan berdaya saing.

Menurutnya, penguatkuasaan berkenaan turut melibatkan Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Caj Terma) 2026 [PU(A) 171/2026] yang akan dilaksanakan serentak bagi menyokong pelaksanaan peruntukan baharu di bawah Akta Sewa Beli 1967 yang



telah dipinda.

"Pindaan berkenaan diluluskan oleh Parlimen pada tahun lalu sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan memperkuatkan kerangka perundangan kredit pengguna dan menangani pelbagai isu yang telah lama membelenggu rakyat dalam urusan pembiayaan sewa beli.

"Antara rungutan utama pengguna selama ini adalah berkaitan caj faedah yang tidak telus serta baki pinjaman yang masih tinggi walaupun peminjam membuat penyelesaian awal pinjaman," katanya.

Armizan berkata, sebelum ini kebanyakan pinjaman sewa beli menggunakan kaedah kadar faedah tetap sama rata atau flat rate serta kaedah Peraturan 78 (Rule of 78), yang menyebabkan sebahagian besar bayaran ansuran pada peringkat awal pinjaman digunakan untuk membayar faedah berbanding prinsipal.

Kedua-dua itu, katanya, menyebabkan pengguna yang ingin melangsaikan pinjaman lebih awal masih perlu menanggung baki hutang yang tinggi dan tidak mencerminkan kos sebenar pembiayaan yang

telah digunakan.

Sehubungan itu, katanya, pindaan baharu memperkenalkan kaedah Pengurangan Baki dan Kadar Faedah Efektif bagi pinjaman sewa beli berkadat tetap dan melalui kaedah itu, faedah akan dikira berdasarkan baki pinjaman semasa, sekaligus membolehkan pengguna menikmati pinjaman yang lebih adil apabila membuat penyelesaian awal pinjaman.

Selain aspek pembiayaan, katanya, akta baharu itu turut membawa perubahan signifikan dalam proses dokumentasi dengan membenarkan penggunaan teknologi digital dalam urusan perjanjian sewa beli. Ini termasuk penggunaan tandatangan elektronik serta penghantaran dokumen secara digital bagi mempercepatkan proses urusan antara pengguna dan institusi kewangan.

"Pada masa sama, langkah keselamatan tambahan turut diperkenalkan menerusi kewajipan melaksanakan dua proses usaha wajar (*due diligence*) bagi pengesahan identiti peminjam yang bertujuan mengurangkan risiko penipuan, pemalsuan

identiti dan penyalahgunaan maklumat peribadi dalam transaksi kredit.

Armizan berkata, sebanyak 11 institusi kewangan dan syarikat penyedia sewa beli telah bersedia sepenuhnya untuk menawarkan pembiayaan berdasarkan peruntukan baharu yang ditetapkan di bawah Akta 212 dan peraturan subsidiari berkaitan menerusi Pelaksanaan fasa pertama yang bermula 1 Jun.

Katanya, pengguna yang ingin mendapatkan manfaat daripada sistem baharu itu disarankan membuat semakan dengan institusi kewangan atau syarikat penyedia sewa beli sebelum memeterai sebarang perjanjian bagi memastikan kemudahan yang ditawarkan adalah selaras dengan peruntukan baharu.

Tambahnya, pelaksanaan fasa kedua dijadualkan bermula pada September depan melibatkan lebih banyak institusi kewangan dan syarikat pembiayaan yang sedang menyelesaikan proses penyesuaian operasi serta integrasi sistem masing-masing.

"Kerajaan turut memberikan tempoh peralihan atau grace period sehingga 31

Mac 2027 kepada institusi kewangan dan syarikat penyedia sewa beli yang masih dalam proses pengubahsuaian sistem bagi memastikan peralihan kepada kerangka baharu dapat dilaksanakan secara teratur.

"Justeru, KPDN menggalakkan semua institusi kewangan dan syarikat penyedia sewa beli mempercepatkan proses peralihan mereka dan memaklumkan kementerian sebaik sahaja bersedia untuk melaksanakan sepenuhnya sistem baharu ini," katanya.

Beliau menegaskan reformasi berkenaan mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam mewujudkan ekosistem kredit pengguna yang lebih telus, berintegriti dan berpaksikan kepentingan rakyat, di samping memperkuatkan tadbir urus industri pembiayaan negara.

"Langkah ini bukan saja memberi perlindungan lebih baik kepada pengguna, malah akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem pembiayaan sewa beli serta memastikan amalan industri yang lebih bertanggungjawab dan mampan," tegasnya.

Changes to Hire Purchase Act now in effect

Hayati Dzulkifli

PUTRAJAYA: The implementation of the **Hire Purchase (Amendment) Act 2026**, which came into force on June 1 (Monday), marks a major reform in the country's hire purchase financing system and is expected to benefit millions of consumers, particularly vehicle buyers.

Domestic Trade and Cost of Living Minister, Datuk Armizan Mohd Ali (pic), said it is aimed at strengthening consumer protection, enhancing transparency in credit transactions, and ensuring the hire purchase financing industry operates in a fairer and more competitive manner.

He said the enforcement also involves the **Hire Purchase (Term Charges) Regulations 2026 [P.U.(A) 171/2026]**, which will be implemented concurrently to support the new provisions under the amended **Hire Purchase Act 1967**.

"The amendments were approved by Parliament last year as part of the government's efforts to strengthen the legal framework governing consumer credit and address long-standing issues faced by the public in hire purchase financing.

"One of the main complaints from consumers has been the lack of transparency in

interest charges and the high outstanding loan balances despite borrowers making early settlements," he said.

Previously, most hire purchase loans used the flat interest rate method and the Rule of 78, which resulted in a significant portion of early instalment payments being allocated towards interest rather than the principal amount.

As a result, he said consumers who wished to settle their loans early were still burdened with high outstanding balances that did not accurately reflect the actual financing costs incurred.

To address this issue, he said the amendments introduce the **Reducing Balance Method and Effective Interest Rate (EIR)** for fixed-rate hire purchase loans.

Under this approach, Armizan said interest will be calculated based on the current outstanding loan balance, allowing consumers to enjoy fairer savings when making early loan settlements.

Apart from financing reforms, he said the new Act also introduces significant changes to documentation processes by allowing the use of digital technology in hire purchase agreements.

He said this includes the use of electronic

signatures and digital document submissions to expedite transactions between consumers and financial institutions.

"At the same time, additional security measures have been introduced through a mandatory two-stage due diligence process for borrower identity verification. This is intended to reduce the risks of fraud, identity forgery, and misuse of personal information in credit transactions.

"Eleven financial institutions and hire purchase providers are already fully prepared to offer financing based on the new provisions stipulated under Act 212 and the related subsidiary regulations through the first phase of implementation, which began on June 1," he said.

Armizan advised consumers seeking to benefit from the new system to check with their financial institutions or hire purchase providers before signing any agreements to ensure that the facilities offered comply with the new provisions.

He added that the second phase of implementation is scheduled to begin in September and will involve more financial institutions and financing companies that are currently completing operational adjustments and system integration processes.

"The government has also provided a transition period, or grace period, until March 31, 2027, for financial institutions and hire purchase providers that are still in the process of modifying their systems to ensure an orderly transition to the new framework.

"Therefore, KPDN encourages all financial institutions and hire purchase providers to expedite their transition processes and notify the ministry as soon as they are ready to fully implement the new system," he said.

Armizan stressed that the reform reflects the government's ongoing commitment to creating a more transparent, integrity-driven, and people-centred consumer credit ecosystem, while strengthening governance within the country's financing industry.

"This measure will not only provide better protection for consumers, but also enhance public confidence in the hire purchase financing system and ensure more responsible and sustainable industry practices," he said.





**KPDN Sabah rekod 40 kes
di bawah AKHAP 2011 > 4**



FREDECK (kiri) bersama penguatkuasa KPDN sedang memeriksa barangan di bawah SHMMP semasa operasi itu di sebuah pasaraya.

KPDN Sabah rekod 40 kes di bawah AKHAP 2011

Iskandar
Dzulkipli

KOTA KINABALU:
Sebanyak 3,620
premis perniagaan
telah diperiksa di
seluruh negeri sejak 1
Januari hingga 24
Mei tahun ini.

Menerusi jumlah
berkenaan
Kementerian Perda-
gangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
(KPDN) Sabah merekodkan sebanyak 40
kes bagi kesalahan di bawah Akta
Kawalan Harga dan Antipencatutan
(AKHAP) 2011 membabitkan nilai kom-
paun RM4,900.

Pengarah KPDN Sabah Shahril Nizam
Shahidin berkata kesemua kesalahan
terbabit melibatkan kegagalan mematuhi
peraturan di bawah AKHAP antaranya
menjual barangan harga terkawal
melebihi harga maksimum termasuk
gagal mempamerkan tanda harga merah
jambu bagi harga barangan terkawal se-
mesta musim perayaan.

"Pada masa sama tindakan tegas akan
terus diambil terhadap mana-mana peniaga
yang gagal mematuhi peraturan di bawah
Skim Harga Maksimum Musim Perayaan
(SHMMP) Pesta Kaamatan 2026 termasuk
kesalahan menjual barangan harga terkawal
melebihi harga maksimum yang boleh dike-



Shahril Nizam

nakan tindakan di bawah AKHAP 2011.

"Bagi individu pesalah boleh didenda
sehingga RM100,000 atau dipenjarakan
tidak melebihi tiga tahun atau kedua-
duanya sekali, selain boleh dikompaun
sehingga RM50,000, manakala syarikat
pula boleh didenda sehingga RM500,000
atau dikompaun sehingga RM250,000.

"Kesalahan gagal meletakkan tanda
harga berwarna merah jambu bagi
barangan harga terkawal turut boleh dike-
nakkan tindakan, dengan individu boleh
didenda sehingga RM10,000 atau dikom-
paun RM5,000, manakala syarikat boleh
didenda sehingga RM20,000 atau dikom-
paun RM10,000," katanya dalam satu keny-
ataan sempena tinjauan mesra SHMMP
Pesta Kaamatan 2026 di Servay Hypermar-
ket baru-baru ini.

Bercakap mengenai operasi diketuai
Timbalan Ketua Pegawai Penguatkuasa
KPDN Negeri Fredeck Kantod itu Shahril
berkata SHMMP Pesta Kaamatan 2026
dikuatkuasakan bermula 29 Mei hingga 4
Jun depan melibatkan tempoh sembilan
hari iaitu tiga hari sebelum perayaan,
sehari semasa perayaan dan lima hari
selepas Kaamatan.

Menurutnya skim ini dilaksanakan
sebagai langkah menstabilkan harga
barangan serta memastikan bekalan men-
cukupi sepanjang musim perayaan Pesta
Kaamatan manakala seramai 204 penguat-
kuasa dan 72 pegawai pemantau harga

telah digerak di lokasi strategik seluruh
Sabah bagi memantau bekalan serta
pematuhan harga di pasar awam, pasar
tani dan pusat membeli belah.

"Sebanyak 12 jenis barangan telah
diwartakan di bawah SHMMP iaitu kepak
ayam, daging kerbau import dari India,
cili kering kerinting, bawang merah kecil
India, bawang merah besar, bawang kun-
ting besar, bawang putih dari China, halia
tua import, ubi kentang dari China, babi
hidup peringkat ladang, daging babi
bahagian perut serta daging dan lemak
babi.

"Pelaksanaan skim ini juga merupakan
usaha prihatin kerajaan bagi memastikan
rakyat pelbagai kaum dan budaya dapat
menyambut perayaan dalam suasana har-
moni dan ceria tanpa dibebani kenaikan
harga barang keperluan.

"Dalam masa sama pendekatan ini
membolehkan penguatkuasaan dilak-
sanakan dengan lebih berkesan selain tin-
dakan segera dapat diambil terhadap
aduan pengguna sekiranya berlaku ke-
dapatuhan," katanya.

Sehubungan itu katanya orang ramai
juga boleh membuat semakan harga
barangan terkawal mengemuti laman
sesawang rasmi KPDN di
<https://www.kpdn.gov.my> dan turut mem-
inta kerjasama orang ramai untuk memak-
lumkan sebarang aduan melalui saluran
WhatsApp.

eCOSS permudah akses minyak masak bersubsidi di Kundasang

Stefyanie Myla Micheal

KUNDASANG: Selama bertahun-tahun, membeli minyak masak bersubsidi sering bergantung kepada masa dan nasib bagi kebanyakan penduduk di Kundasang.

Bagi suri rumah berusia 63 tahun, Hombari (gambar) mendapatkan sekampit minyak masak bersubsidi berharga RM2.50 sebelum ini banyak bergantung kepada tuah.

Ada kalanya beliau tiba di pasar raya hanya untuk mendapati pek 1 kilogram yang menjadi rebutan itu telah habis dijual. Seperti ramai penduduk Kundasang yang memperoleh pendapatan sederhana melalui perniagaan kecil, pertanian dan aktiviti perniagaan harian, ketidakpastian itu menambah tekanan kepada bajet isi rumah yang sedia terhad.

Namun hari ini, Hombari memberitahu *Daily Express* bahawa keadaan telah berubah.

Penjual dari Kampung Kinasaraban itu mengaitkan perubahan terbahit dengan pengenalan aplikasi eCOSS (Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak) serta kawalan lebih ketat terhadap pembelian minyak masak bersubsidi yang menjadikan barangan keperluan itu lebih mudah diper-

oleh.

Penambahbaikan itu susulan langkah yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) termasuk penggunaan sistem eCOSS untuk memantau pembelian minyak masak bersubsidi serta larangan penjualan pek minyak masak bersubsidi kepada bukan warganegara.

Ironinya, cabaran terbesar Hombari pada peringkat awal bukanlah mendapatkan minyak masak tetapi mempelajari cara menggunakan teknologi yang direka untuk membantu pengagihannya.

"Pada mulanya memang sukar kerana saya tidak begitu mahir menggunakan aplikasi telefon pintar.

"Mujurlah seorang juruwang pasar raya dengan sabar membimbing saya melalui proses itu, menunjukkan cara memuat turun aplikasi, mendaftar dan menggunakan sistem langkah demi langkah.

"Kini semuanya lebih mudah," katanya.

Lebih penting lagi, Hombari berkata beliau tidak lagi bimbang minyak masak bersubsidi akan habis setiap kali mengunjungi pasar raya.

"Dulu kami tidak pernah tahu sama ada stok masih ada atau tidak. Kadang-kadang ia sudah habis apabila kami sampai. Sekarang saya boleh membelinya dengan mudah dan biasanya stok sentiasa ada. Ia satu kelegaan besar bagi orang seperti kami," katanya.

Pengalamannya mencerminkan perub-

ahan yang lebih meluas ditasai di seluruh Kundasang di mana ramai keluarga bergantung kepada pendapatan harian daripada gerai pasar, pertanian dan perniagaan kecil untuk menyara kehidupan.

Bagi Saiman, 58, dari Kundasang, perbezaannya jelas setiap kali beliau mengunjungi pasar raya.

"Saya terkejut melihat kotak-kotak minyak masak paket masih tersedia," katanya.

Sebelum ini, pelanggan sering terpaksa menunggu stok baharu tiba atau berharap mereka antara pelanggan terakhir yang sempat mendapatkan beberapa pek yang masih berbaki.

Saiman berkata beliau menyedari bahawa sebelum pelaksanaan sistem baharu itu, terdapat individu yang datang secara berkumpulan dan membeli minyak masak bersubsidi dalam kuantiti yang banyak.

"Saya perasan ada sesetengah individu yang mungkin bukan warganegara datang dalam kumpulan empat atau lima orang dan berpura-pura tidak mengenali antara satu sama lain ketika membeli minyak masak itu," dakwanya.

Beliau percaya sistem eCOSS yang memerlukan pendaftaran serta mengehadkan pembelian kepada tiga pek bagi setiap pembeli berdaftar telah membantu memastikan pengagihan yang lebih adil.

"Bagi orang seperti saya, kini lebih mudah untuk membeli minyak masak apa-



SISTEM eCOSS membantu memastikan pengagihan stok minyak masak yang lebih adil. - Foto hiasan

bila kami memerlukannya," katanya.

Penambahbaikan itu amat bermakna bagi penduduk seperti Nurul, 34, seorang peniaga kecil dan ibu kepada lima orang anak yang turut menyara ibu bapanya serta ibu bapa mentuanya yang tinggal serumah.

Bagi Nurul, minyak masak merupakan antara keperluan isi rumah yang paling penting bukan sahaja bagi menyediakan makanan bagi keluarganya yang besar tetapi juga untuk menyediakan makanan yang dijual menerusi perniagaan kecilnya bagi menambah pendapatan keluarga.

Walaupun berhati-hati untuk tidak membuat tuduhan secara langsung, beliau berkata pernah menyaksikan individu membeli minyak masak bersubsidi dalam jumlah yang banyak sebelum didakwa menjual semula pada harga lebih tinggi di kawasan luar bandar.

"Saya hanya rakyat biasa. Walaupun saya

berusaha, selalunya terasa seperti tiada apa yang akan berlaku," katanya.

"Saya berharap akan ada lebih sedikit orang yang melakukan perkara ini sekarang kerana adanya aplikasi berkenaan."

Bagi Nurul, manfaat terbesar ialah ketenangan fikiran kerana mengetahui produk itu tersedia apabila diperlukan.

"Bagi saya, perkara paling penting ialah saya kini boleh mendapatkan minyak masak dengan mudah tanpa bimbang ia akan kehabisan stok. Harganya yang mampu milik benar-benar membantu mengurangkan beban kami," katanya.

Walaupun penduduk mengakui masih terdapat cabaran yang perlu ditangani, ramai berpendapat gabungan pemantauan digital dan kawalan pembelian yang lebih ketat membawa perubahan ketara dalam memastikan minyak masak bersubsidi sampai kepada isi rumah yang benar-benar layak.

Ops Kesan 6.0 dilancar bendung pencatutan harga

Iskandar Dzulkifli

PUTRAJAYA:

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan Ops Kesan 6.0 di seluruh negara bermula 1 Jun hingga 31 Ogos 2026 bagi membendung aktiviti pencatutan harga susulan ketidakpastian ekonomi global dan peningkatan kos rantaian bekalan.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam (**gambar**) berkata operasi di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) itu bertujuan memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan secara tidak munasabah.

Menurutnya, pelaksanaan operasi itu susulan krisis bekalan global pada awal tahun ini yang menyebabkan lonjakan harga minyak mentah dunia serta memberi kesan kepada kos pengeluaran, penghantaran dan harga pelbagai barangan keperluan.

"KPDN memandang serius perkembangan ini kerana peningkatan kos di peringkat hulu berpotensi memberi tekanan kepada pengguna sekiranya tidak dipantau dengan berkesan.

"Justeru, Ops Kesan 6.0 dilaksanakan bagi memastikan sebarang kenaikan harga adalah berasaskan faktor kos sebenar dan bukannya disebabkan tindakan peniaga yang mengambil keuntungan berlebihan," katanya dalam kenyataan, di sini, baru-baru



ini.

Azman berkata, dalam operasi kali ini, KPDN akan menggunakan data yang telah dikumpulkan secara berkala sejak tercetusnya krisis di Asia Barat sebagai asas pementauan dan analisis terhadap perubahan kos serta margin keuntungan perniagaan.

Menurutnya, pemeriksaan akan dijalankan secara menyeluruh melibatkan keseluruhan rantaian bekalan termasuk pengilang, penternak, peladang, pengedar, pemborong dan peruncit.

Menurutnya, antara sektor utama yang akan diberikan perhatian ialah sektor petrokimia yang melibatkan produk pembungkusan dan plastik seperti polietilena dan polipropilena selain baja pertanian termasuk urea dan ammonia yang memainkan peranan penting dalam sektor pengeluaran makanan.

"Selain itu, sektor pertanian turut menjadi fokus dengan pemantauan terhadap harga beberapa hasil pertanian utama termasuk sawi, kailan, timun, tomato dan cili merah yang sering menjadi keperluan harian pengguna.

"Bagi sektor penternakan pula, pemeriksaan akan tertumpu kepada kos makanan ayam pedaging dan penelur, harga ayam standard serta semua kategori telur ayam termasuk Gred A, B dan C yang merupakan antara komponen utama dalam perbelanjaan isi rumah.

"KPDN juga akan memantau sektor pengangkutan khususnya caj penghantaran logistik yang mempunyai kesan langsung terhadap harga barangan di pasaran dan pada ada masa sama, pemeriksaan berkala turut akan dijalankan ke atas sektor lain

berdasarkan aduan dan maklumat semasa yang diterima sepanjang tempoh operasi," katanya.

Beliau berkata, sepanjang operasi ini, pegawai penguat kuasa akan mengeluarkan Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) kepada premis yang diperiksa bagi mendapatkan maklumat berkaitan kos operasi, harga jualan dan dokumen perniagaan.

Menurutnya, kegagalan mematuhi notis berkenaan atau mengemukakan maklumat palsu merupakan kesalahan serius yang boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Sekiranya siasatan mendapati berlaku peningkatan peratusan keuntungan yang tidak munasabah dan unsur pencatutan dapat dibuktikan, tindakan akan diambil mengikut Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.

Beliau berkata, syarikat yang melakukan kesalahan kali pertama boleh didenda sehingga RM500,000 manakala kesalahan kedua dan seterusnya sehingga RM1 juta.

Bagi individu, kesalahan pertama memperuntukkan denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali, manakala kesalahan kedua dan seterusnya boleh dikenakan denda sehingga RM250,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Azman berkata KPDN akan terus memperkukuh pemantauan pasaran dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan daripada situasi semasa untuk mengaut keuntungan berlebihan sehingga membekalkan pengguna.

40 price control offences detected

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Sabah has recorded 40 cases involving offences under the Price Control and Anti-Profitsteering Act (AKHAP) 2011, with compounds totalling RM4,900, following inspections at 3,620 business premises statewide from Jan 1 to May 24 this year.

Sabah KPDN Director Shahril Nizam Shahidin (pic) said all offences involved non-compliance with AKHAP regulations, including selling controlled goods above the maximum price and failing to display pink price tags for controlled items during festive seasons.

He said strict enforcement would continue against traders who fail to comply with regulations under the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for Pesta Kaamatan 2026, including selling controlled goods above the maximum price, which is an offence under AKHAP 2011.

"For individuals, offenders may be fined up to RM100,000 or jailed for not more than three years, or both, in addition to compounds of up to RM50,000. Companies may be fined up to RM500,000 or compounded up to RM250,000," he said in a statement in conjunction with the SHMMP Pesta Kaamatan 2026 walkabout at Servay Hypermarket here, recently.

He added that offences involving failure to display pink price tags for controlled goods may also be compounded, with individuals facing fines of up to RM10,000 or compounds of RM5,000, while companies may be fined up to RM20,000 or compounds of RM10,000.

Commenting on the enforcement operation led by Sabah KPDN deputy chief enforcement officer Fredeck Kantod, Shahril said the SHMMP for Pesta Kaamatan 2026 would be enforced from May 29 until June 4, covering a nine-day period comprising three days before the celebration, one day during the celebration and



Fredeck (left) and KPDN enforcement officers inspecting goods under the SHMMP during the operation at a supermarket here.

five days after Kaamatan.

He said the scheme was implemented to stabilise prices and ensure sufficient supply of essential goods throughout the festive season.

"A total of 204 enforcement officers and 72 price monitoring officers have been deployed at strategic locations across Sabah to monitor supply and price compliance at public markets, farmers' markets and shopping centres," he said.

Shahril said 12 items had been gazetted under the SHMMP, namely chicken wings, imported buffalo meat from India, dried curly chillies, Indian small red onions, large red onions, large yellow onions, garlic from China, imported old ginger, potatoes from China, live pigs at farm level, pork belly, as well as pork meat and fat.

He said the scheme reflects the government's concern to ensure people of various races and cultures can celebrate in a harmonious and cheerful atmosphere without being burdened by rising prices of essential goods.

"This approach also allows enforcement to be carried out more effectively while enabling immediate action to be taken on consumer complaints in the event of non-compliance," he said.

He added that the public can check prices of controlled goods through KPDN's official website and urged consumers to channel complaints via the ministry's WhatsApp line at 019-848 8000, the e-Aduan KPDN portal, the Call Centre at 1-800-886-800, or the Ez ADU KPDN smartphone application.

Lari tinggalkan kereta berisi 100 liter petrol seludup

TUMPAT - Seorang lelaki bertindak melarikan diri selepas meninggalkan sebuah kereta yang mengandungi kira-kira 100 liter petrol dipercayai diseludup dalam serbuan penguat kuasa di Kampung Geting di sini, pada Selasa.

Serbuan kira-kira jam 8.02 pagi itu dijalankan sepasukan anggota Unit Risikan dan Tindakan Khas (URTK) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan dengan kerjasama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 3 Pengkalan Kubor.

Pengarah KPDN Kelantan, Hanif Yusabra Yusuf berkata, pihaknya sebelum itu telah mengekori sebuah kereta Proton Iswara yang dipandu dalam keadaan mencurigakan dari sebuah stesen minyak di Terbak.

Menurut beliau, sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa, kenderaan berkenaan berhenti di hadapan sebuah rumah di Kampung Geting sebelum suspek dipercayai melarikan diri.

"Hasil pemeriksaan mendapati tangki kereta tersebut disyaki telah diubah suai bagi membolehkan pengangkutan petrol dalam kuantiti lebih besar," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

FOTO: KPDN



Seorang lelaki meninggalkan sebuah kereta mengandungi 100 liter petrol seludup selepas diserbu anggota penguat kuasa di Kampung Geting, Tumpat pada Selasa.



新租购法令本月 1 日起生效 车贷改“递减余额法”算利息

(本报讯) 联邦国内贸易及生活成本部长拿督阿米占阿里週日宣布，2026 年租购法令修正案于 6 月 1 日起正式生效，以将汽车贷款利息计算改革为“递减余额法”。

他表示，首阶段落实期间，将有 11 家金融机构及租购公司已完成准备工作，并将依据新条文提供租购贷款服务。

他说，至于第二阶段，则预计于本年 9 月展开，他呼吁那些有意享受新法令保障及优惠的消费者在签署租购协议前，先向有关机构查询及确认相关安排。

阿米占阿里是在亚庇发表的文告中这么表示。配合有关修正案，2026 年租购条例（收费条款）也将同步实施。

他表示，这项措施是继 1967 年租购法令修正案于去年获国会通过后落实的后续行动，属于政府强化消费信贷生态法律框架的重要改革之一。



他说，在在修正案实施前，民众长期投诉租购交易，尤其是汽车贷款方面，存在隐藏利息收费及提前还清贷款后仍须承担高额未偿贷款余额的问题。这导致借款人即使提前结清贷款，仍需支付与实际借贷成本不相称的高额余额。

据指出，此次修法的主要内容包括：废除固定平息利率及“78 法则”计算方式。在旧制度下，贷款初期的大部分分期付款用于偿还利息，仅有少部分用于偿还本金。

修正案引入“递减余额法”及“实际利率”机制，适用于固定利率租

购贷款。在新制度下，利息将依据贷款剩余本金计算，使提前结清贷款的计算方式更加透明和公平，消费者也能享有更合理的贷款成本。

配合数码转型趋势，修正案也允许使用电子签名及电子文件提交方式，以提升租购协议处理效率和便利性。此外，修正案也规定在核实借款人身份时，必须进行两项尽职调查程序，以降低诈骗风险。

阿米占表示，仍在进行系统整合及调整工作的金融机构和租购公司，将获准享有至 2027 年 3 月 31 日的过渡期。

他说，政府鼓励有关机构尽快按照新法律框架提供服务，并在完成过渡程序后通知该部。

他指出，此次法律改革展现政府致力于建立更透明、更具诚信的消费信贷生态体系，同时提升行业治理水平，进一步保障全国消费者的权益与利益。(020)



← 鸡肉为国人摄取的重要蛋白质来源，内贸局将确保价格与供应稳定。（雪KPDN提供）

或擴大查商業供應鏈

“接下来，执法行动将扩大至整个商业供应链，包括生产商、制造商、养殖业者、农民、分销商及批发商等领域。”

他强调，若商家被发现不合理涨价或涉及牟取暴利，当局将采取严厉行动。

根据法令规定，个人首次违法可被罚款最高10万令吉或监禁3年；重犯者可被罚款最高25万令吉或监禁5年，或两者兼施。

至于公司方面，首次违法可被罚款最高50万令吉，

重犯则可被罚款高达100万令吉。

哈尼夫补充，内贸局愿向商家提供有关反暴利法令及利润计算机制的咨询服务，以协助业者了解及遵守现有法规。

他呼吁民众若发现商家操纵价格或涉嫌牟取暴利，可通过内贸部官方投诉管道，包括WhatsApp（019-8488 000）、电子投诉平台官网（<https://eaduan.kpdn.gov.my>）、拨打免费热线电话1800-886 800及Ez ADU KPDN手机应用程序举报。

雪內貿局兵分7路查物價走勢 疑牟暴利9商家接通知書



法官官員檢查雞蛋售價是否合理。(雪KPDN提供)



↑ 中東能源危機對石化產品生產構成重創，檢查各類型料盒的成本與售價，為重點之一。(雪KPDN提供)

(沙亞南2日訊)為遏制商家趁全球能源危機及原材料成本上漲之際牟取暴利，國內貿易及生活費部雪州分局於昨日(1日)起展開“偵查行動6.0”(Ops Kesan)。

當局首日兵分7個縣市檢查46類商品(SKU)，向涉及商家發出9張通知書檢查成本結構，確認是否有牟取暴利行為。

該局雪州主任莫哈末哈尼夫發文指出，這項將持續至8月31日的為期3個月執法行動，是在《2011年價格管制及反暴利法令》(723號法令)下展開，旨在監督市場價格走勢，確保商家不會以原材料及營運成本上漲為由，不合理調漲商品售價。

他說，偵查行動6.0是因應全球供應鏈危機及國際原油價格波動而啟動，以防止相關因素對國內基本生活必需品價格造成衝擊。

他表示，雪州分布在各县市的7個內貿局辦事處，包括沙亞南總局、八打靈再也、檳城、加影、雪邦、瓜雪及烏雪新古毛分局，都同步展開執法行動，由登門的執法人員及價格監督官員，聯合執行檢查工作。

首日重點檢查零售商品

他披露，行動首日重點檢查零售層面的超級市場及雜貨店，涵蓋蔬菜、家禽及石化產品等類別商品。

“受檢查商品包括菜心、芥蘭、黃瓜、番茄及紅辣椒等農產品、標準雞及雞蛋等畜牧產品，以及塑料包裝等石化產品。”

他指出，由於目前正值哈芝節後及學校假期，消費者在零售市場的採購活動頻繁，當局有必要加強監督供應及價格變化情況。

根據統計，雪州各地執法隊伍首日共檢查46種商品(SKU)，涉及消費者日常必需品類別。

促呈商品售價成本等资料

哈尼夫披露，在檢查過程中，當局共向涉及商家，援引價格管制及反暴利法令第21條文發出9張通知書(Notis)，要求商家提呈商品售價及成本結構等詳細資料，以便進一步審核是否存在暴利行為。

他強調，發出通知書不僅是調查程序之一，也具有警示作用，提醒商家必須遵守法律及商業道德，不可借全球能源危機牟取不合理利潤。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 3 JUN 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Jun	Bekalan makin pulih, harga sayur mula turun - Fuziah	https:// www.freemalaysiatoday.com/ category/bahasa/ tempatan/2026/06/02/bekalan- makin-pulih-harga-sayur-mula-	FMT
3-Jun	Op Kesan 6.0: KPDN Selangor keluarkan sembilan notis	https://berita.rtm.gov.my/ nasional/senarai-berita- nasional/senarai-artikel/op- kesan-6-0-kpdn-selangor- keluarkan-semilan-notis/	RTM
3-Jun	Ops Kesan 6.0: KPDN Selangor Semak 46 Jenis Barangan, Keluarkan Sembilan Notis	https://www.bernama.com/ bm/am/news.php? id=2563711	BERNAMA
3-Jun	KPDN Selangor perhebat Ops Kesan 6.0 kekang pencatutan barangan keperluan pengguna	https:// harapan- daily.com/2026/06/01/kpdn- selangor-perhebat-ops- kesan-6-0-kekang- pencatutan-barangan-	HARAPAN DAILY
3-Jun	KPDN Selangor semak 46 jenis barangan, keluarkan sembilan notis	https:// www.astroawani.com/video/ kpdn-selangor-semak-46- jenis-barangan-keluarkan-	ASTRO AWANI
3-Jun	Op Kesan 6.0: Periksa peruncit, sembilan notis dikeluarkan - KPDN Selangor	https:// www.sinarharian.com.my/ article/782110/berita/ semasa/op-kesan-60- periksa-peruncit-semilan- notis-dikeluarkan---kpdn- selangor	SINAR HARIAN
3-Jun	Sembilan notis dikeluarkan KPDN Selangor pada hari pertama Ops Kesan 6.0	https://www.buletintv3.my/ nasional/sembilan-notis- dikeluarkan-kpdn-selangor-pada- hari-pertama-ops-kesan-6-0/	TV3
3-Jun	Op Kesan 6.0: KPDN Selangor keluarkan sembilan notis	https://berita.rtm.gov.my/ nasional/senarai-berita-nasional/ senarai-artikel/op-kesan-6-0- kpdn-selangor-keluarkan- sembilan-notis/	RTM

3-Jun	Sembilan notis dikeluarkan dalam Ops Kesan 6.0 di Selangor	https:// malaysiagazette.com/2026/06/01/sembilan-notis-dikeluarkan-dalam-ops-	MALAYSIA GAZETTE
3-Jun	KPDN Selangor perhebat Ops Kesan 6.0 kekang pencatutan barangan keperluan pengguna	https:// harapandaily.com/2026/06/01/ kpdn-selangor-perhebat-ops- kesan-6-0-kekang-pencatutan- barangan-keperluan-pengguna/	HARAPAN DAILY
3-Jun	Op Kesan 6.0 : KPDN Selangor keluarkan sembilan notis	http://malaysounds.com/ info/t-2606021605.html	MALAY SOUNDS
3-Jun	Selangor KPDN targets unwarranted price hikes with nine notices under Ops Kesan 6.0	https://malaysiantribune.com/ selangor-kpdn-targets- unwarranted-price-hikes-with- nine-notices-under-ops-kesan-6- 0/	MALAYSIA TRIBUNE
3-Jun	Selangor KPDN issues nine notices to curb profiteering amid global uncertainties	https://mediaselangor.com/ en/2026/06/377270	MEDIA SELANGOR
3-Jun	Selangor KPDN issues nine notices to traders under Ops Kesan 6.0	https://asianewstoday.com/ selangor-kpdn-issues-nine- notices-to-traders-under-ops- kesan-6-0/	ASIA NEWS
3-Jun	Cabut lari tinggalkan kereta berisi petrol seludup	https:// www.sinarharian.com.my/ article/782219/berita/semasa/ cabut-lari-tinggalkan-kereta-	SINAR HARIAN
3-Jun	Seludup petrol: Empat lelaki ditahan	https://berita.rtm.gov.my/kes/ senarai-berita-kes/senarai- artikel/seludup-petrol-empat- lelaki-ditahan/	RTM
3-Jun	Peniaga gagal pamer tanda harga dikompaun	https:// sabahmedia.com/2026/06/02/ peniaga-gagal-pamer-tanda	SABAH MEDIA